New Beng Yan
No.7, Jalan Sungai Beranang 32/60,
Bukit Rimau, Seksyen 32,
40460 Shah Alam,
Selangor D.E.

/ 07 / 2016

Pengarah Bangunan,
Jabatan Bangunan MBSA,
Tkt.8, Wisma MBSA,
Persiaran Perbandaran,
40706 Shah Alam,
Selangor D.E.

Tuan,

PER: CADANGAN TAMBAHAN & PINDAAN KEPADA BANGLO 2 TINGKAT SEDIADA DI LOT NO.7, JALAN SUNGAI BERANANG 32/60, BUKIT RIMAU, SEKSYEN 32, 40460 SHAH ALAM, SELANGOR D.E. :- Memohon Salinan CF Rumah Sediada

Merujuk kepada perkara di atas, saya seperti nama di atas adalah pemilik rumah seperti alamat yang tertera. Tujuan permohonan salinan CF ini adalah berkenaan dengan sebab-sebab dibawah ;

1. Sukacita dimaklumkan bahawa saya bercadang untuk mengemukakan pelan ke MBSA untuk mendapatkan kelulusan bagi kerja-kerja ubahsuai rumah dan antara dokumen yang perlu dikemukakan bagi tujuan tersebut ialah salinan CF rumah asal.

2. Banglo ini telah dibina setelah mendapat kelulusan MBSA pada tahun 2005, tetapi selepas siap pembinaan, sehingga kini akitek saya tidak menyerahkan sebarang dokumen CF.

3. Untuk rujukan Tuan, bersama ini disertakan salinan surat kelulusan pelan dengan nombor fail pelan lulus ; - MBSA/B/PC/SEK.32/0111-2005 (OSC/PBT)

Dengan ini saya memohon agar pihak Tuan dapat mengeluarkan salinan CF rumah asal segera agar dapat digunakan dalam proses permohonan kelulusan ubahsuai rumah saya. Kerjasama dari pihak Tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terimakasih.

Sekian, terimakasih.

Yang benar,

New Beng Yan
No. tel ;